

### HALAMAN 1

**BENKEL DAN MESYUARAT  
PELAKSANAAN MALAYSIA  
GEOSPATIAL ONLINE  
SERVICES (MyGOS)  
BERSAMA AGENSI**

### HALAMAN 2

**BENKEL PENYEDIAAN DAN  
PENERBITAN METADATA**

### HALAMAN 3

**BENKEL KAJIAN  
KEPERLUAN PENGGUNA  
BAGI PENYEDIAAN  
SPESIFIKASI PEMBANGUNAN  
APLIKASI MyGDI EXPLORER  
BAHARU (NEXT GEN DATA  
CATALOGUE)**

### HALAMAN 4

**PERKONGSIAN ILMU:  
MALAYSIA GOVERNMENT  
ENTERPRISE ARCHITECTURE  
(MyGovEA)**

## BENKEL DAN MESYUARAT PELAKSANAAN MALAYSIA GEOSPATIAL ONLINE SERVICES (MyGOS) BERSAMA AGENSI



LANGKAWI, 24-25 Julai - Malaysia Geospatial Online Services (MyGOS) merupakan salah satu aplikasi utama di bawah Program Malaysia Geospatial Data Infrastructure (MyGDI) yang berperanan sebagai platform perkongsian maklumat geospasial secara percuma bagi agensi kerajaan dan dapat memudahkan kerja-kerja perkongsian peta, data, aplikasi serta maklumat-maklumat lain secara dalam talian kepada penggunaanya. Oleh itu, untuk mengukur sejauh mana aplikasi MyGOS ini telah mencapai objektifnya, satu bengkel dan mesyuarat berkaitan telah diadakan selama dua (2) hari bertempat di Bilik Gerakan Pejabat Daerah dan Tanah Langkawi, Kedah serta telah dihadiri oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar (KKLB), Jabatan Kerja Raya (JKR), Bahagian Perancang Ekonomi Negeri (BPEN) Kedah, Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK).

Bengkel dan sesi mesyuarat ini telah membincangkan dan mengenal pasti kaedah yang terbaik bagi menangani isu-isu terkini berkaitan perkongsian maklumat geospasial terutamanya dalam pengurusan perancangan dan pemantauan projek GIS jabatan/agensi masing-masing. Setiap jabatan/agensi yang hadir dan telah menggunakan aplikasi MyGOS turut membentangkan status kemajuan dan pelaksanaannya. Sesi perjumpaan ini turut melibatkan pembentangan aplikasi-aplikasi MyGDI yang lain, taklimat perkongsian data, taklimat pemprosesan data dan taklimat berkaitan *map services* oleh para pegawai MaCGDI. Bagi memastikan kelangsungan aktiviti perkongsian maklumat geospasial melalui platform ini, MaCGDI turut bertanggungjawab membincangkan hala tuju kolaborasi MyGOS bersama jabatan/agensi.

Anugerah Penghargaan MyGOS telah diperkenalkan di Simposium Maklumat Geospasial Kebangsaan Ke-8 (NGIS Ke-8) yang berlangsung pada baru-baru ini untuk mengiktiraf jabatan/agensi yang aktif menggunakan platform MyGOS.

## BENKEL PENYEDIAAN DAN PENERBITAN METADATA



PUTRAJAYA, 4-5 September - Metadata merupakan satu elemen piawaian utama dalam pembangunan maklumat geospasial. Metadata berfungsi menerangkan maklumat produk-produk geospasial sedia ada dan memberi kemudahan informasi kepada pengguna untuk menilai kualiti data geospasial tersebut. Dengan adanya metadata yang lengkap dan terperinci, sesuatu maklumat geospasial dianggap lebih menepati kehendak pelanggan serta boleh dipercayai sebagai rujukan. Tujuan penerbitan metadata adalah untuk:

- Menerangkan maklumat produk-produk geospasial yang terdapat di agensi kerajaan dan swasta;
- Mengelakkan duplikasi penyediaan data atau perkhidmatan geospasial daripada pelbagai agensi;
- Memudahkan pengguna mengenal pasti sumber maklumat geospasial yang diperlukan; dan
- Menyediakan perlindungan undang-undang sekiranya berlaku penyalahgunaan maklumat geospasial.



Bagi memastikan pendedahan yang lebih khusus diberikan kepada agensi pembekal data yang terlibat dalam menyediakan dan menerbitkan metadata, satu bengkel penyediaan serta penerbitan metadata telah diadakan oleh pihak MaCGDI bertempat di Bilik COE, MaCGDI. Bengkel ini juga merupakan salah satu aktiviti tahunan MaCGDI untuk memberi pendedahan kepada agensi pembekal data mengenai kepentingan penyediaan metadata serta sesi *hands-on* cara-cara penyediaan dan penerbitan metadata. Bengkel ini yang diadakan selama dua (2) hari, telah dihadiri oleh agensi pembekal data seperti Jabatan Meteorologi Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Pusat Hidrografi Nasional (PHN), Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan PLANMalaysia.

Penganjuran bengkel ini telah memberikan impak positif kepada para peserta dan telah berjaya menerbitkan sebanyak 335 metadata.

Pemilihan elemen katalog metadata berasaskan dokumen ISO 19115-1: 2014 Geographic Information-Metadata-Part 1-Fundamentals. Dokumen ini boleh diperolehi atau dibeli terus melalui SIRIM Berhad.

## BENGGEL KAJIAN KEPERLUAN PENGGUNA BAGI PENYEDIAAN SPESIFIKASI PEMBANGUNAN APLIKASI MYGDI EXPLORER BAHARU (NEXT GEN DATA CATALOGUE)



NEGERI SEMBILAN, 18-20 September - Salah satu faktor yang membantu kejayaan pelaksanaan Program MyGDI adalah elemen kualiti data geospasial yang ditetapkan dalam perkongsian data antara jabatan/agensi. Justeru, untuk melihat dan menilai kualiti sesuatu data geospasial, pengguna akan merujuk kepada metadata maklumat geospasial tersebut. Metadata ini disimpan dalam suatu senarai atau katalog metadata yang dibangunkan oleh MaCGDI melalui platform MyGDI Explorer. Bukan sahaja berperanan sebagai *one-stop-centre*, MyGDI Explorer juga memudahkan pengguna memperoleh maklumat geospasial yang dikehendaki.

Satu bengkel telah dianjurkan oleh MaCGDI bertempat di Hotel Corus Paradise Resort, Port Dickson untuk mengkaji keperluan pengguna-pengguna bagi penyediaan spesifikasi pembangunan aplikasi ini yang baharu. Bengkel yang diadakan selama dua (2) hari telah melibatkan seramai 43 orang pegawai daripada jabatan/agensi. Semasa penganjuran bengkel, para peserta telah diberikan taklimat mengenai sistem sedia ada di dalam MyGDI Explorer.



Bengkel ini turut memberi peluang kepada MaCGDI untuk menyampaikan penerangan yang jelas berkaitan standard, metadata dan elemen-elemen yang diguna pakai di dalam dokumen Malaysian Geospatial Metadata Standard (MGMS). Bengkel ini juga diadakan sebagai sesi libat urus antara jabatan/agensi bagi penambahbaikan aplikasi MyGDI Explorer di masa akan datang, perkongsian ilmu terkini dan perkongsian kepakaran mengenai metadata serta teknologi di kalangan jabatan/agensi.


Selain itu, pihak MIMOS Berhad turut dijemput untuk membentangkan teknologi yang telah dibangunkan oleh mereka manakala pihak MARDI pula telah membentangkan mengenai standard yang sedang diguna pakai di Malaysia.

Terdapat lima (5) jenis pilihan carian yang boleh digunakan oleh pengguna semasa membuat carian maklumat geospasial di aplikasi MyGDI Explorer sedia ada. Jenis cariannya adalah seperti: 1. Kawasan geografi liputan atau nama tempat; 2. Kata kunci; 3. Jenis-jenis data; 4. Kategori-kategori data; dan 5. Tarikh (kemas kini data atau tempoh masa).

## PERKONGSIAN ILMU: MALAYSIA GOVERNMENT ENTERPRISE ARCHITECTURE (MyGovEA)

Menyadari kepentingan untuk merancang keperluan bisnes yang sejajar dengan perkembangan teknologi maklumat bagi mencapai visi Kerajaan Digital, kerajaan Malaysia melalui Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah memperkenalkan kerangka Malaysia Government Enterprise Architecture (MyGovEA) sebagai panduan amalan Enterprise Architecture (EA) di Sektor Awam.

EA adalah sebuah kerangka kerja yang memperihai secara terperinci sebuah arkitektur mengenai tadbir urus bisnes dan hubungannya dengan sumber-sumber teknologi, aplikasi, maklumat bagi mencapai objektif masa kini dan masa hadapan dalam pengurusan organisasi. MyGovEA adalah bertujuan untuk menyediakan pendekatan, langkah-langkah dan templat yang seragam untuk memastikan kaedah pembangunan EA yang konsisten dalam sektor awam. Rangka kerja MyGovEA terdiri daripada enam (6) komponen utama melalui pelan induknya iaitu:



KOMPONEN UTAMA	PENERANGAN
<b>Visi MyGovEA</b>	Visi adalah suatu pernyataan niat yang memacu matlamat utama di sebalik penubuhan inisiatif MyGovEA dalam sektor awam.
<b>Prinsip Architecture</b>	Prinsip <i>architecture</i> menerangkan satu piawai <i>architectural</i> asas menyeluruh bagi memandu sektor awam dalam membangunkan aspek bisnes dan teknikal <i>architecture</i> .
<b>Domain Architecture</b>	<i>Domain Architecture</i> mendefinisikan empat (4) bidang <i>architecture</i> iaitu bisnes, data, aplikasi dan teknologi yang perlu dibangunkan dan dikekalkan sehubungan dengan pelaksanaan EA oleh sektor awam.
<b>Tadbir Urus</b>	Komponen tadbir urus menerangkan struktur dan operasi model yang dicadangkan bagi menyokong pelaksanaan dan pengoperasian amalan EA.
<b>Metodologi</b>	Metodologi menggariskan pendekatan yang berstruktur (contoh: fasa dan peringkat) yang akan diguna pakai oleh sektor awam semasa membangunkan amalan EA.
<b>Peralatan dan Repositori</b>	Komponen bagi peralatan & repositori menerangkan peralatan yang dicadangkan dan struktur repositori yang biasa diguna pakai oleh sektor awam untuk mendokumenkan artifak.

Sumber rujukan: Portal Rasmi MyGovEA di <http://1govea.mampu.gov.my/>

### Diterbitkan oleh:

PUSAT INFRASTRUKTUR DATA GEOSPATIAL NEGARA (MaCGDI)

KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI (KATS)

ARAS 7 & 8, WISMA SUMBER ASLI

NO. 25, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

62574 PUTRAJAYA.

TEL: 03 - 8886 1156

FAKS: 03 - 8889 4851

LAMAN WEB: [www.mygeoportal.gov.my](http://www.mygeoportal.gov.my)



Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MaCGDI)  
KEMENTERIAN AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI